



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Program pembelajaran dalam keusahawanan

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) menyampaikan sijil kepada para peserta Program YDC Light's On II 2020 pada majlis penutup program tersebut, di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu.

perniagaan.

Program kali ini berjaya menghasilkan sejumlah enam buah syarikat meliputi pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan yang disediakan terdiri daripada penghasilan makanan, minuman, perkhidmatan bengkel baik pulih kenderaan serta jahitan dan sulaman.

Adapun syarikat-syarikat yang didaftarkan pada akhir program itu sebagai sebuah syarikat persendirian ialah Petals Chocolate Corporation, Sadaqa Company, Ath Zien Corporation,

KSR Enterprise, Siege Pollyfox Enterprise dan Ibnu Sulaiman Enterprise.

Setiap syarikat memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka dan mengikuti sesi *pitching*, di mana produk dan servis dibentangkan bagi penilaian para juri yang dilantik.

Program yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB) itu disertai seramai 16 orang lepasan Pelatih PPB yang berjalan selama dua bulan dan daripada jumlah itu, hanya 12 orang berjaya menamatkan program yang berakhir pada 29 Ogos baru-baru ini. Penamatan mereka itu diraikan dalam Majlis Penutup Program YDC Light's On II Tahun 2020 berlangsung di Dewan Surambi, PPB.

Penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir dan seterusnya berkesempatan menyampaikan beberapa cadangan dan berkongsi idea bagi penambahbaikan mutu produk yang dihasilkan oleh para peserta.

Objektif program untuk memberi peluang kepada para peserta bagi menyahut seruan kerajaan dalam menjadikan bidang keusahawanan sebagai mata pencarian, melatih minda peserta untuk menjadi kreatif, inovasi dan kompetitif dalam apa jua cabaran dalam mengendalikan bidang keusahawanan.

PARA peserta yang mengikuti program tersebut.



PENOLONG Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Selain itu, program tersebut sebagai platform kepada para peserta untuk mendapat bantuan *grant* yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memulakan perniagaan atau keusahawanan mereka.

Pada kali ini, program tersebut dikendalikan oleh PPB dan diselenggarakan sendiri oleh dua tenaga pengajar keusahawanan. Antara perisian program yang disokong oleh Syarikat Mavens Hive, LiveWIRE dan DARE itu antaranya Bengkel (Workshop on Ideation) Strategi Perniagaan dan Program Meningkatkan Kepimpinan Diri, lawatan, kongsi sama pengusaha berjaya, dialog, perbincangan dan pembentangan kertas cadangan perniagaan serta peluang tempat pemasaran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - YDC Light's On II merupakan program pendedahan keusahawanan yang menyediakan kaedah pembelajaran dalam bidang

keusahawanan, termasuk dari segi membuat kira-kira perniagaan, memahami ekosistem keusahawanan di negara kita sehingga penghasilan produk dan penyediaan kertas kerja



UNISSA bukakan penyertaan Program Tadabbur Al-Quran Sesi Oktober 2020

"Memahami & Menghayati Al-Qur'an"

قُرْآنَكَ يَا قُرْآنَ

PROGRAM TADABBUR AL-QUR'AN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TEMPOH PROGRAM

6 MINGGU (SETIAP HARI AHAD)
JAM : 8.30 - 10.00 PAGI

YURAN PENYERTAAN

\$40 BAGI SETIAP MODUL

UNTUK PENDAFTARAN

20 SEPT 2020
04 OKT 2020

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Centre for Leadership and Lifelong Learning
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

246 2000 ext 204/202
+6738254374 (Telefon / Whatsapp)
C4L@unissa.edu.bn
Centre for Leadership and Lifelong Learning

SCAN ME

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kini membukakan bagi penyertaan Program Tadabbur Al-Quran (PTQ) Sesi Oktober 2020 dan

sukacita ingin mengalu-alukan penyertaan para pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia serta orang ramai yang berminat untuk menyertai program ini.

Laluan berbasikal dan lintasan pejalan kaki baharu dibuka, 3 September 2020

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa laluan berbasikal dan lintasan pejalan kaki yang baharu di Jalan Residency di bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha akan mula dibuka kepada orang ramai pada Khamis, 3 September 2020.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya yang berhampiran dengan kawasan berkenaan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Bagi sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.

Program tersebut akan diadakan pada Ahad, 4 Oktober hingga 8 November 2020 dalam tempoh enam minggu, yang bermula dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (selama 1 jam 30 minit), bertempat di Kampus UNISSA.

Manakala tarikh tutup pendaftaran ialah pada Ahad, 20 September 2020.

Yuran penyertaan bagi setiap seorang peserta ialah BND40 (bagi setiap modul) dan ini tidak termasuk buku nota serta bayaran

yuran juga tidak akan dikembalikan.

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui pautan <https://bit.ly/PTQC4L> atau dengan mengimbas Kod QR yang disertakan.

Sebarang pertanyaan mengenai program ini, sila hubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui talian +673 2462000 sambungan 202 / 204 atau e-mel ke *c4l@unissa.edu.bn*.